



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : SEJARAH REKABENTUK
KOD KURSUS : DID2252
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (50 Markah)
 - BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.


1. Istilah Revolusi Industri diperkenalkan oleh Friedrich Engels dan Louis-Auguste Blanquidi pada pertengahan abad ke-19 merujuk kepada
 - A. Perubahan yang cepat dalam bidang ekonomi dari kegiatan ekonomi tradisional ke ekonomi industri yang menggunakan mesin
 - B. Penggunaan mesin dalam memudahkan kerja-kerja memproses dan pembinaan
 - C. Perubahan gaya senibina kerana kewujudan mesin-mesin yang menggantikan kerja tangan manusia
 - D. Peningkatan mutu kerja dan kualiti bahan binaan kerana wujudnya pelbagai mesin dan jentera

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Galileo Galilei• Copernicus• Isaac Newton• Francis Bacon |
|---|

2. Apakah faktor luaran yang menyumbang kepada perkembangan revolusi industri yang berkaitan dengan individu-individu di atas
 - A. Tokoh-tokoh pertanian yang membantu meningkatkan industri pertanian eropah pada abad ke-19
 - B. Jurutera dan pereka yang mencipta mesin pertama di sekitar abad ke-18
 - C. Ahli ilmuwan yang mencetuskan revolusi ilmu pengetahuan pada sekitar abad ke-16
 - D. Ahli perniagaan yang mewujudkan kapitalisme moden pada abad ke-17

3. *The Crystal Palace* (1850) yang direka oleh Sir Joseph Paxton merupakan salah satu contoh senibina revolusi industri yang menggunakan bahan seperti

- A. Rangka Kayu dan Kaca
- B. Batu Bata dan Konkrit
- C. Rangka Logam dan Kaca
- D. Rangka Logam dan Konkrit



4. Gaya rekabentuk yang terdapat di (Z) ialah

- A. De Stijl
- B. Bahaus
- C. Art Deco
- D. Art Nouveau


5. Berikut ialah senibina hasil karya arkitek Antoni Gaudi, kecuali

- A. Casa Battlo
- B. Villa Savoye
- C. Sagrada Familia
- D. Guell Park

6. Gaya Art Deco berasal daripada Perancis, juga dikenali dengan nama

- A. Style Modern
- B. Post Modernism
- C. Decoration Modernism
- D. Van Allen Style

7. "Streamline" ialah salah satu ciri-ciri gaya Art Deco, manakah antara yang berikut paling tepat menggambarkan ciri-ciri tersebut



- Bangunan direka mestilah mengikut tujuan dan fungsi kegunaan bangunan tersebut
- Berasaskan teori triad Vitruvian iaitu *commodity*, *beauty* dan *firmness*.
- Muncul selepas perang dunia pertama sebagai arus modernisme

8. Perkara di atas berkaitan dengan gerakan gaya rekabentuk

- A. Deconstructivism
- B. Expressionism
- C. Functionalism
- D. Brutalism

9. Pada tahun 1896, arkitek Chicago, Louis Sullivan memperkenalkan terma

- A. *Less is More*
- B. *Form Follow Function*
- C. *House is a Machine for Living*
- D. *Ornament is a Crime*

10. Terma "*Less is Bore*" diperkenalkan sebagai tentangan kepada senibina International Style yang bersifat formalism oleh arkitek

- A. Frank Lyod Wright
- B. Robert Venturi
- C. Le Corbusier
- D. Mies Van de Rohe

11. Berikut ialah ciri-ciri gaya rekabentuk *Post-Modern*

- i. Menerapkan unsur-unsur budaya
- ii. Mempunyai pengaruh teknologi digital dan visual
- iii. Kepelbagaian gaya dan pengaruh seni dekorasi
- iv. Penggunaan simetri dan warna-warna asas

- A. i, ii, dan iii
- B. ii, iii, dan iv
- C. iii dan iv
- D. i dan iv


- Kumpulan pereka dan arkititek daripada Itali
- Merekabentuk perabot, fabrik dan arca postmodern
- Menggunakan pelbagai material dan warna-warna yang terang
- Gaya-gaya abstrak dan eksotik

12. Pernyataan di atas merujuk kepada


- A. Art Pop
- B. The Great Five
- C. Bahaus
- D. Memphis Group

13. Universiti Teknologi Petronas di Perak direka oleh arkitek

- A. Norman Foster
- B. Zaha Hadid
- C. Tadao Ando
- D. Renzo Piano




14. Rekabentuk senibina di atas direka oleh arkitek
- A. Norman Foster
 - B. Le Corbusier
 - C. Ieoh Ming Pei
 - D. Frank Lloyd Wright
15. Ciri-ciri senibina *Hi-Tech* ialah
- i. Mendedahkan struktur di luar dan dalam bangunan
 - ii. Penekanan visual banyak diletakkan di atas keluli dalaman
 - iii. Struktur rangka yang terdedah dari bahan bermutu tinggi
 - iv. Penggunaan bahan berteknologi tinggi dan mesra alam
- A. i, ii, iii, dan iv
 - B. ii, iii, dan iv
 - C. iii dan iv
 - D. ii dan iii
16. Tokoh arkitek paling tepat bagi menggambarkan gaya senibina awal '*High Tech*'
- A. Zaha Hadid & Le Corbusier
 - B. Renzo Piano & Sir Norman Foster
 - C. Antoni Gaudi & Frank Gehry
 - D. Renzo Piano & Richard Meier



17. Lakaran di atas menggambarkan proses lakaran idea gaya rekabentuk:

- A. Hi-Tech
- B. Deconstruction
- C. Futuristic
- D. Fluidity



18. Apakah nama bangunan dan arkitek bagi senibina di atas

- A. UFA - Palast oleh Zaha Hadid
- B. Guggenheim Museum oleh Zaha Hadid
- C. Dancing House oleh Frank Gehry
- D. Walt Disney Concert Hall oleh Frank Gehry

19. Apakah yang dimaksudkan dengan *Sustainable Architecture*

- A. Bangunan yang mempunyai *green index* yang tinggi
- B. Senibina yang menggunakan sumber alam sekitar sebagai bahan utama
- C. Senibina yang mempunyai impak minima kepada alam sekitar
- D. Bangunan yang menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui

20. Antara kriteria-kriteria berikut, yang manakah akan dinilai bagi tujuan persijilan Green Building Index (GBI)

- i. Kualiti persekitaran ruang dalaman (Indoor)
- ii. Kecekapan penggunaan tenaga
- iii. Bahan binaan dan sumber pembinaan
- iv. Inovasi rekabentuk dan bahan binaan

- A. i, ii, iii, dan iv
- B. ii. dan iii
- C. ii. iii. dan iv
- D. i dan iii

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a) Apakah yang dimaksudkan dengan *Expressionist Movement* dan mengapakah pergerakan ini bermula ?

(2 markah)

b) Huraikan **empat (4)** ciri-ciri senibina *Expressionist Movement*.

(8 markah)

SOALAN 2

a) Senibina *International Style* banyak dilihat pada senibina-senibina pencakar langit sekitar tahun 1920-1960, apakah TIGA (3) ciri-ciri khas bagi menara pencakar langit yang menggunakan *International Style* sebagai konsep rekabentuk?

(3 markah)

b) Apakah faktor yang mempengaruhi pergerakan *The International Style* ?

(2 markah)

c) Apakah yang dimaksudkan dengan *Functionalism* ?

(2 markah)

d) Slogan *Form Follow Function* yang diperkenalkan oleh Louis Sullivan dijadikan sebagai rujukan dalam Senibina *Functionalism*. Sebagai seorang perekabentuk dalaman, bagaimanakah anda menggunakan interpretasi slogan tersebut ? Huraikan jawapan anda.

(3 markah)

SOALAN 3

- a) Huraikan **dua (2)** kesan revolusi industri kepada kehidupan masyarakat pada abad ke-19
(4 markah)
- b) Senaraikan **empat (4)** perbezaan antara gaya rekabentuk Art Nouveau dan Art Deco.
(4 markah)
- c) Apakah yang dimaksudkan dengan *Art & Crafts Movement*?
(2 markah)

SOALAN 4

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan senibina *Deconstruction*?
(2 markah)
- b) Senaraikan **dua (2)** ciri-ciri senibina *Deconstruction*
(2 markah)
- c) Apakah peranan bahan binaan (*Building Materials*) di dalam senibina Hi-Tech?
(2 markah)
- d) Huraikan **dua (2)** ciri-ciri senibina Hi-Tech.
(4 markah)

SOALAN 5

- a) Berikan **lima (5)** cara bagaimana senibina atau rekabentuk mesra alam dapat membantu mengurangkan masalah alam sekitar. Huraikan jawapan anda dengan contoh yang sesuai.

(10 markah)

[50 MARKAH]


BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a) Berdasarkan gambar objek yang diberikan di bawah, lakarkan rupabentuk Deconstruction objek tersebut hasil idea anda sendiri.

Contoh Jawapan:



(15 markah)

SOALAN 2

- a) Lakarkan contoh-contoh bagi gaya-gaya rekabentuk yang diberikan di bawah mengikut setiap kategori berikut:

Kategori Rekabentuk :

- A. Senibina
- B. Perabot
- C. Corak atau Lukisan

Gaya Rekabentuk:

- i. Art Nouveau
- ii. Art Deco
- iii. De Stijl

(9 markah)

- b) Lakarkan senibina-senibina berikut:

- i. Villa Savoye
- ii. The Falling Water
- iii. Sagrada Familia

(6 markah)

SOALAN 3

- a) Melalui lakaran, huraikan contoh penggunaan dan aplikasi elemen senibina mesra alam berikut di dalam sebuah bangunan:

- i. Sistem Solar dan Sumber Tenaga
- ii. Takungan Air atau Hujan
- iii. Pengudaraan Semulajadi
- iv. Pencahayaan Semulajadi
- v. Penapisan Air dan Udara Semulajadi

(15 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

